

U 8009 AAB
SOVIET - SOKONGAN
(I)

DARIPADA ABDUL RAHMAN SULAIMAN

MOSCOW, 31 JULAI (BERNAMA) -- SOVIET UNION MENGANGGAP USAHA MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA ASEAN YANG LAIN BAGI MEMPERBAIKI KEADAAN DI ASIA TENGGARA DAN MEWUJUDKAN ZON YANG BEBAS DARIPADA ANCAMAN NUKLEAR DI RANTAU ITU SEBAGAI SUMBANGAN PENTING KE ARAH KEWUJUDAN DUNIA YANG BEBAS DARIPADA SENJATA NUKLEAR.

PEMANGKU PERDANA MENTERI SOVIET, V.S. MURAKHOVSKY, BERKATA NEGARANYA MENYAMBUT BAIK USAHA MALAYSIA ITU.

SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS MAKAN MALAM DI KREMLIN BAGI MERAIKAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, ENCIK MURAKHOVSKY MENGULANGI HASRAT MOSCOW UNTUK MENERUSKAN DASAR MENJALIN HUBUNGAN DENGAN ASEAN DEMI FAEDAH BERSAMA.

+SIKAP SALING BERGANTUNG ANTARA SATU SAMA LAIN DI KALANGAN NEGARA DI DUNIA BERMAKNA BAHAWA TIADA NEGARA DI BUMI INI -- TIDAK KIRA WALAU JAUH MANA SEKALIPUN DARIPADA GARISAN KONFRANTASI NUKLEAR -- BOLEH HIDUP AMAN LAGI MAKMUR SEMENTARA BAHAYA PERANG NUKLEAR MASIH WUJUD DAN PENDUDUK DUNIA MEMPUYAI PILIHAN SAMA ADA UNTUK HIDUP ATAU MATI BERSAMA,+ KATA BELIAU..

+KEADAAN INI TIDAK UBAH SEPERTI PEPATAH MELAYU +YANG KALAH MENJADI ABU, YANG MENANG MENJADI ARANG,+ KATA BELIAU. -- LAGI 1617MST 31 07 87

D183

U 8014 AAB
SOVIET - SOKONGAN 2 MOSCOW
(I)

ENCIK MURAKHOVSKY BERKATA SEHUBUNGAN DENGAN INI, SOVIET UNION AKAN MENYOKONG SEBARANG INISIATIF DAN LANGKAH-LANGKAH KONSTRUKTIF YANG BERTUJUAN MEWUJUDKAN KESTABILAN DAN KEAMANAN YANG BERKEKALAN DI ASIA TENGGARA.

BELIAU BERKATA USSR MENYOKONG USAHA MENJADIKAN ASIA, KAWASAN-KAWASAN DI PASIFIK DAN LAUTAN HINDI SEBAGAI RANTAU KEAMANAN DAN KERJASAMA.

MOSCOW MENGANGGAP KESELAMATAN RANTAU ITU SEBAGAI SYARAT DAN ELEMEN PENTING KE ARAH USAHA MEWUJUDKAN SISTEM KESELAMATAN ANTARABANGSA SECARA MENYELURUH, KATANYA.

MENGENAI TAWARAN PENGUNDURAN PELURU BERPANDU YANG DIKENALI SEBAGAI +GLOBAL DOUBLE ZERO OPTION+ YANG DIUMUMKAN OLEH PEMIMPIN SOVIET, MIKHAIL GORBACHEV, MURAKHOVSKY BERKATA BELIAU GEMBIRA PERDANA MENTERI MALAYSIA MENUNJUKKAN MINAT YANG POSITIF KEPADA USAHA ITU.

BELIAU MENGUMUMKAN BAHAWA KINI NAMPAKNYA ADA HARAPAN BAGI MENCAPAI PERSETUJUAN DENGAN WASHINGTON MENGENAI PENGUNDURAN PELURU BERPANDU JARAK SEDERHANA DAN PELURU BERPANDU TAKTIKAL DARI EROPAH DAN ASIA. -- LAGI 1632MST 31 07 87

D184

U 8015 AAB
SOVIET - SOKONGAN 3 MOSCOW
(I)

BELIAU YAKIN BAHAWA LANGKAH PERTAMA KE ARAH USAHA INI BOLEH MEMBUKA PROSPEK BAGI PERSETUJUAN SELANJUTNYA TERUTAMA BERHUBUNG DENGAN KESELAMATAN ANTARABANGSA, TERMASUK ASIA DAN PASIFIK.

KATANYA, USAHA MEREDAKAN KONFRANTASI TENTERA, PENGHAPUSAN KEHADIRAN TENTERA ASING DAN DIALOG ANTARA NEGARA-NEGARA SERANTAU DAN ASIA SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA PROSES BAGI MEYAKINKAN NEGARA-NEGARA BERKENAAN AKAN PENTINGNYA MEMPERBAIKI KEADAAN DI RANTAU ITU. -- BERNAMA 1633MST 31 07 87